



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

# PROGRAM KEMISKINAN BANDAR



Bantuan Sewa Rumah



Bantuan Perumahan Bandar



Latihan Kemahiran dan Keusahawanan



Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW-Bandar)



Titipan Kasih (Food Basket)



Kios Penjaja Bergerak



Terminal Sejahtera



## I. BANTUAN SEWA RUMAH

### Matlamat

Mengurangkan beban kewangan keluarga bagi mendapatkan tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk didiami.

### Kadar Bantuan

RM124.00 sebulan atau kadar yang diluluskan. Kadar dan pengiraan boleh berubah mengikut keperluan dan keputusan Kerajaan.

### Kriteria Kelayakan

- Miskin dan miskin tegar;
- Berdaftar dan disahkan status kemiskinan dalam ekasih atau oleh Mesyuarat Focus Group peringkat Negeri atau Daerah;
- Menyewa rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) rumah Majlis atau rumah milik persendirian; dan
- Menetap di kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT).



## 2. BANTUAN PERUMAHAN BANDAR

### Matlamat

Menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa bagi menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti

### Kadar Bantuan

#### Bina Baru:

Semenanjung – RM37,000 (2 bilik)/ RM40,000 (3bilik)  
Sabah/Sarawak/Labuah – RM37,000 (2 bilik)/  
RM40,000 (3bilik)

\*Kos Ekstrem: Maksimum RM5,000

#### Baik Pulih:

Semenanjung – RM10,000  
Sabah/Sarawak/Labuah – RM12,000

\*Kos Ekstrem: Maksimum RM2,000

#### Contoh Rumah (Bina Baru)



Sebelum

### Kriteria Kelayakan

- Berstatus Miskin tegar / mudah miskin dalam eKasih / disahkan status kemiskinan oleh Mesyuarat Focus Group Negeri atau Daerah;
- Rumah didiami rosak, usang, daif atau tidak lagi selamat untuk didiami;
- Memiliki tanah sendiri / menumpang tanah milik orang lain / tanah kerajaan dengan syarat mendapat kebenaran pemilik tanah secara bertulis;
- Keutamaan kepada kepada isi rumah melebihi 5 orang atau warga emas; dan
- Menetap di kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT).



Selepas

## 3. LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWAAN (PLKK)

### Matlamat

Meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mampu mendapat pekerjaan/mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

### Kriteria Kelayakan

- Golongan berpendapatan 40% Terendah (B40);

### Skop Latihan (Secara Paket)

- Program Pembangunan Minda Insai n;
- Program Bina Upaya; dan
- Program Jana Pendapatan melalui Keusahawanan.

### Skop dan Kadar Bantuan

- Tidak uzur dan mampu bekerja untuk menyara keluarga;
- Telah tamat persekolahan;
- Berminat dan berazam untuk menjalani program yang ditentukan; dan
- Berdaftar atau disahkan status kemiskinan dalam eKasih atau Mesyuarat Focus Group mengenai pembasmian kemiskinan peringkat Negeri/Daerah

Peserta program boleh dipertimbangkan untuk mengikuti jenis latihan kemahiran yang ditawarkan. Kadar bantuan adalah bergantung kepada jenis kursus kemahiran (tidak melebihi RM10,000.00 termasuk penginapan / makan / minum sepanjang tempoh berkursus, bekalan peralatan dan pemantauan untuk tempoh 6 bulan selepas tamat latihan).

## Mekanism Pelaksanaan

PLKK dilaksanakan oleh persatuan bukan kerajaan (NGO) yang dilantik oleh Kementerian mengikut prosedur dan tatacara kewangan sedia ada. Tanggungjawab dan tugas NGO adalah seperti yang berikut:

- Pencarian dan bancian peserta program;
- Laksanakan pembangunan minda insan (motivasi/mindset change);
- Laksanakan latihan/kursus kemahiran (termasuk pengurusan kewangandan taklimat skim insuran);
- Bekalan peralatan atau pemanfaatan pekerjaan; dan
- Pemantauan untuk tempoh 6 bulan.



## 4. AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 (ASW-BANDAR)

### Matlamat

Membantu golongan miskin tegar / miskin di bandar memperoleh pendapatan tambahan melalui pemberian dividen tahunan, menggalakkan mereka untuk melabur di dalam pasaran saham yang dijamin oleh Kerajaan.

### Kumpulan Sasar

- Ketua Isi Rumah miskin dan miskin tegar dari daftar eKasih; dan
- Peserta yang telah disemak dan didapati layak.

### Kriteria Kelayakan

- Tidak pernah menerima bantuan amanah saham/tidak mempunyai simpanan mana-mana skim saham melebihi RM1,000.00 dan

### Agihan Kuota Mengikut Kaum

- (3) Tidak muflis/ bankrap.

## Skop Pelaburan

- (4) Pelaburan pokok sejumlah RM10,000.00;
- (5) Pelaburan pokok RM 10,000.00 (milik kerajaan) di tag kepada penerima; dan
- (6) Selagi layak, penerima akan menerima dividen setiap tahun.

## Agensi Pelaksana



Menyediakan Peruntukan



Melaksana dan memantau




Permodalan Nasional Berhad

Mengurus Skim ASW-BANDAR

**Pihak Berkuastra Tempatan (PBT)/  
Pejabot Pembangunan Negeri (SPN)**

Pelaksanaan program di lapangan



## Agihan Pemberian Dividen

Tahun	Bilangan Penerima	Dividen
2010	5,252	6.35%
2011	5,682	6.50%
2012	5,874	6.60%
2013	6,117	6.70%
2014	6,622	6.60%



## 5. KIOS PENJAJA BERGERAK

### Matlamat

Membantu golongan sasar dari daftar eKasih menjalankan perniagaan dengan lebih teratur dan selesa bagi menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.

### Kriteria Kelayakan

- (7) Berstatus miskin tegar/miskin bandar eKasih;
- (8) Keutamaan kepada peserta yang telah mulakan perniagaan / menjalankan perniagaan sepenuh masa dan



bersetuju mematuhi syarat-syarat PBT; dan

- ④ Menetap di kawasan operasi PBT.

### Nilai Kios

Nilai seunit kios ialah RM15,000 termasuk pembinaan kios, modal / peralatan dan kursus motivasi.



## 6. TITIPAN KASIH (FOOD BASKET)

### Matlamat

Membantu mengurangkan beban keuangan keluarga dan meningkatkan kualiti hidup.

### Kriteria Kelayakan

- ④ Tersenarai sebagai miskin tegar di dalam sistem e-Kasih;
- ④ Ketua Isi Rumah berusia 60 tahun ke bawah;
- ④ Bilangan ahli isi rumah 5 orang ke atas;
- ④ Pendapatan perkapita RM120 ke bawah; dan
- ④ Menetap di kawasan operasi PBT.

### Kadar Bantuan dan Pelaksanaan

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan MyKasih.

RM80.00 sebulan akan dikredit ke dalam Mykad Ketua Isi Rumah.

Ketua Isi Rumah perlu membuat pembelian di outlet terpilih seperti yang berikut:



## 7. PROGRAM TERMINAL SEJAHTERA

### Matlamat

- Menyediakan kemudahan pembelajaran kendiri di luar waktu sekolah kepada pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan 40% terendah (B40); dan
- Mengurangkan jurang pencapaian akademik dan meningkatkan prestasi pelajar dari kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah.

### Ciri-ciri

Terminal Sejahtera lebih fokus kepada aktiviti pembelajaran dan 2 komponen utama ialah Makmal Komputer dan Bilik Tutorial.



BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
NO.51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA  
NO. TEL: 03 - 8891 5051  
NO. FAKS: 03 - 8891 5547

